



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2025

# WARRIORS DATA



**W2-GO**  
**SABAK BERNAM**



WEB W 2-GO



FACEBOOK



YOUTUBE

[HTTPS://SITES.GOOGLE.COM/VIEW/JOMSABAKBERNAM/UTAMA](https://sites.google.com/view/jomsabakbernam/utama)

# ISI KANDUNGAN

## BAB 1

### SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

- ✓ Tajuk Projek
- ✓ Nama PBT
- ✓ Tahun/Tarikh Produk/Inovasi Dihasilkan
- ✓ Penglibatan Pihak Pengurusan
- ✓ Pengenalan
- ✓ Penerangan Hasil Inovasi
- ✓ Signifikasi Pembangunan Aplikasi W-2 GO SABAK BERNAM
- ✓ Pembuktian Pembangunan W-2 GO SABAK BERNAM

## BAB 2

### TINDAKAN PENYELESAIAN

- ✓ Pelaksanaan
- ✓ Kaedah Pelaksanaan

## BAB 3

### KEBERHASILAN PROJEK – OUTCOME DAN IMPAK

- ✓ Outcome Projek
- ✓ Kemampanan
- ✓ Pendigitalan
- ✓ Kelestarian
- ✓ SDG 17
- ✓ Impak Projek
- ✓ Kelebihan W 2-GO SABAK BERNAM
- ✓ Keberkesanan W 2-GO SABAK BERNAM Kepada Pengguna

BAB  
4

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

15

✓ Lawatan Penandaarasan

15

BAB  
5

PENUTUP

15

# SENARAI LAMPIRAN

| BAB   | NO LAMPIRAN | TAJUK                                                                     | MUKA SURAT |
|-------|-------------|---------------------------------------------------------------------------|------------|
|       | Lampiran 1  | Penambahbaikan                                                            | 16         |
|       | Lampiran 2  | Laman Utama Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM                                  | 17         |
| Bab 1 | Lampiran 3  | Surat Pelantikan Ahli Kumpulan                                            | 18         |
|       | Lampiran 4  | Penglibatan Pihak Pengurusan                                              | 19         |
|       | Lampiran 5  | Surat Penghargaan dari Persatuan Pelancongan dan Kebudayaan Sabak Bernam  | 20         |
|       | Lampiran 5  | Sijil Penghargaan dari Pihak Pengurusan Tertinggi                         | 20         |
|       | Lampiran 5  | Sijil dan Replika Cek Gold Award AINS -SA                                 | 20         |
|       | Lampiran 6  | Keratan Online: Selangor Kini                                             | 21         |
|       | Lampiran 6  | Pencapaian Pingat Gangsa Invention Innovation & Design Exposition (IIDEX) | 21         |
| Bab 2 | Lampiran 7  | <i>Design Thinking</i>                                                    | 22         |
|       | Lampiran 7  | Carta Perbatuan                                                           | 22         |
|       | Lampiran 8  | Borang Kaji Soal Selidik Aplikasi Pelancongan                             | 23         |
|       | Lampiran 9  | Data Kajian Aplikasai Pelancongan                                         | 24         |
|       | Lampiran 9  | Data Kajian Aplikasi Pelancongan                                          | 24         |
|       | Lampiran 10 | Sebelum Pembangunan Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM                          | 25         |
|       | Lampiran 11 | Pembangunan Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM                                  | 26         |
| Bab 3 | Lampiran 12 | Analisa SWOT                                                              | 27         |
|       | Lampiran 13 | Lawatan penandaarasan ke Balai Bomba & Penyelamat Alor Setar              | 28         |
|       | Lampiran 14 | Lawatan penandaarasan bersama UiTM                                        | 29-30      |



## BAB 1 – SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

a. **TAJUK PROJEK/INOVASI:** WHERE, WHEN, WHO TO GO SABAK BERNAM  
(W 2-GO SABAK BERNAM)

b. **NAMA PBT:** MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

c. **TAHUN/TARIKH PRODUK/INOVASI DIHASILKAN:** MAC 2024

d. **PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN**



Surat penubuhan  
Kumpulan

Penglibatan  
pihak  
pengurusan

### 5.3 Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2024

Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan memaklumkan berkenaan keputusan Anugerah Inovasi Negeri Selangor tahun 2024 peringkat daerah Sabak Bernam. Seramai sembilan kumpulan telah layak ke penilaian akhir yang akan diadakan pada 09 Ogos 2024 dan pembentangan penilaian akhir secara maya. Dua daripada MDSB iaitu Kumpulan Warriors Data dan Bounty Hunter.

Tindakan: Jabatan Khidmat Pengurusan

Minit Mesyuarat  
Pengurusan  
MDSB Bil.7/2024

### 5.3 Sesi Lawatan Tapak AINS-SA Bagi Program Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2024

Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan memaklumkan satu kumpulan inovasi MDSB iaitu WORRIOS DATA telah terpilih bagi Sesi Lawatan Tapak Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS-SA) Tahun 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat MTES, Tingkat Bawah Bangunan SSAAS, Shah Alam pada 3 September 2024 (Selasa).

Tindakan: i) Jabatan Khidmat Pengurusan;  
ii) Kumpulan WARRIOS DATA

Minit Mesyuarat  
Pengurusan  
MDSB Bil.8/2024

## e. PENGENALAN

Pembangunan aplikasi **W 2-GO SABAK BERNAM** dilaksanakan memandangkan Majlis Daerah Sabak Bernam ke arah membangunkan daerah Sabak Bernam sebagai *Smart Agropolitan City* melalui pengukuhan Agointeraktif Ekonomi di dalam Pelan Strategik MDSB 2021-2025.



Infografik: Pelan Strategik 2021 - 2025



Infografik: Laman web MDSB

## f. PENERANGAN HASIL INOVASI


### ✓ Tujuan Projek Inovasi

Aplikasi **W 2-GO SABAK BERNAM** bertujuan berikut:

- 📱 Mendapatkan informasi mengenai kedai makan viral, penginapan seperti inap desa, homestay dan seumpamanya serta kawasan-kawasan yang menarik dan menjadi tumpuan;
- 📱 Sumber rujukan dan maklumat pelancongan kepada masyarakat setempat dan luar; dan
- 📱 Saluran penyebaran maklumat kepada penduduk khususnya pelancong dalam dan luar negara.

### ✓ Kumpulan Sasaran

Pelancong yang pada masa kini gemar mencari tempat percutian di luar kawasan bandar dan dari kesibukan kota



Infografik: Laman web MDSB

✓ **Proses Sebelum Dan Selepas**

| Proses                             | Sebelum                                                                                                | Selepas                                                                                                                                                          |
|------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Maklumat khas mengenai pelancongan | 💻 Tiada                                                                                                | 💻 Aplikasi Dalam Talian                                                                                                                                          |
| Informasi melalui bahan bercetak   | 💻 Dicetak dengan kos percetakan                                                                        | 💻 Aplikasi <i>online</i> dan boleh diakses melalui pelbagai pelayar internet seperti <i>Internet Explorer, Chrome, Safari</i> dan lain-lain.                     |
| Akses informasi                    | 💻 Menggunakan komputer desktop dan komputer riba dan informasi tidak meluas kerana tiada aplikasi khas | 💻 Penggunaan aplikasi ini tidak terhad kepada desktop dan komputer riba sahaja malah boleh diakses menggunakan alat mudah alih seperti tablet dan telefon pintar |

Jadual 1: Proses ini dapat ditunjukkan lebih lengkap dan jelas

**g. SIGNIFIKASI PEMBANGUNAN APLIKASI W 2-GO SABAK BERNAM**

Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM adalah inisiatif digital yang dibangunkan oleh Kumpulan Warriors Data, MDSB. Tujuan utama aplikasi ini adalah untuk mempromosikan pelancongan di daerah Sabak Bernam, Selangor dengan menyediakan maklumat tentang pelbagai destinasi menarik yang terdapat di kawasan tersebut.

| Signifikan kepada Kumpulan Sasar    | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Promosi Pelancongan Tempatan</b> | Aplikasi ini berperanan sebagai platform digital untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik di Sabak Bernam kepada pelancongan tempatan dan luar negara. Ia membantu meningkatkan kesedaran tentang keunikan dan tarikan yang terdapat di daerah ini. |
| <b>Kemudahan Akses Maklumat</b>     | Melalui aplikasi ini, pengguna dapat mengakses maklumat seperti pelancongan, aktiviti menarik dan kemudahan yang tersedia di Sabak Bernam dengan mudah dan cepat.                                                                                     |

|                                         |                                                                                                                                                                                                |
|-----------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Sokongan Kepada Ekonomi Tempatan</b> | Dengan menarik lebih ramai pelancong, aplikasi ini secara tidak langsung menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan melalui peningkatan dalam sektor perniagaan, penginapan dan perkhidmatan lain. |
| <b>Inisiatif Digitalisasi</b>           | Pembangunan aplikasi ini mencerminkan MDSB dalam mendigitalisasikan sektor pelancongan, sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.                                                          |

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini mengenai aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM, boleh melayari halaman rasmi web MDSB: [www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my)

#### g. PEMBUKTIAN PEMBANGUNAN W 2-GO SABAK BERNAM

Pembangunan aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM telah mendapat pengiktirafan rasmi dan sokongan daripada pihak pengurusan, MDSB serta pelbagai pihak berkepentingan. Berikut adalah bukti-bukti yang mengesahkan aplikasi tersebut:

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Sokongan Daripada Pihak Pengurusan, MDSB</b> | <p>🖥 Aplikasi ini telah mendapat sokongan daripada pihak pengurusan MDSB. Sokongan ini boleh dilihat melalui hantaran rasmi di Facebook MDSB dengan ucapan tahniah kepada Warriors Data atas pembangunan aplikasi pelancongan ini.</p> <p>🖥 MDSB juga secara aktif menyokong dan mempromosikan aplikasi ini sebagai sebahagian daripada inisiatif mereka untuk memajukan sektor pelancongan di daerah ini. Ini menunjukkan komitmen MDSB dalam mendigitalisasikan promosi pelancongan.</p> |
| <b>Pengiktirafan dan Anugerah</b>               | <p>🖥 Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM telah menerima Anugerah Emas (Gold Award) serta Geran Pengkomersialan Dan Harta Intelek Produk Inovasi Bagi Pemenang Sesi Penilaian Lawatan Tapak Anugerah Inovasi Negeri Selangor - Sektor Awam (Ains-Sa) Tahun 2024 sebanyak RM15,000.00. Selain itu, aplikasi ini juga terpilih sebagai Reruai Terbaik semasa majlis Aspirisasi Inovasi Selangor Tahun 2024.</p>                                                                                      |

|                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                    | <p>📄 Aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM juga telah menyertai sebagai Pempamer Produk Inovasi Kerajaan Negeri Selangor di Program <i>BIZ.SPOTLIGHT</i> 2024 dan Menyertai Pertandingan <i>Invention, Innovation &amp; Design Exposition</i> (IIDEX) yang diadakan pada 4 hingga 8 November 2024 di Dewan Berlian UiTM Puncak Alam. Pencapaian Pingat Gangsa Inventiton, Innovation and Design Exposition (IIDEX)</p> |
| <b>Promosi Melalui Platform Media Sosial Rasmi</b> | <p>📄 Aplikasi ini dipromosikan secara aktif melalui laman sesawang MDSB, <i>Facebook</i> dan <i>You Tube</i>, mengajak orang ramai untuk melawat Sabak Bernam menggunakan aplikasi ini. Promosi ini juga termasuk penyediaan kod QR untuk memudahkan muat turun dan penggunaan aplikasi.</p>                                                                                                                  |
| <b>Pengiktirafan dalam Rancangan Tempatan</b>      | <p>📄 Dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2035 (Penggantian), terdapat penekanan terhadap penglibatan penduduk tempatan, pihak awam dalam proses pencangan pembangunan kawasan termasuklah aspek digitalisasi dan promosi pelancongan.</p>                                                                                                                                                     |


Kesemua bukti ini menunjukkan bahawa pembangunan aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM adalah hasil usaha bersama MDSB serta mendapat pengiktirafan dan sokongan yang kukuh dalam memajukan pelancongan di daerah Sabak Bernam.




### h. PELAKSANAAN

#### ✓ Strategi Pelaksanaan Projek

Kumpulan telah menggunakan kaedah '*Design Thinking*' dan Carta Perbatuan untuk merancang perjalanan projek inovasi ini, supaya perjalanannya lebih teratur dan bersistematik.




Rajah 1 : Kaedah *Design Thinking*



Jadual 1 : Carta Perbatuan Perancangan dan tempoh penghasilan projek

#### ✓ Ringkasan Inovasi

Terbukti efektif, efisien dan sistematik



Lebih menarik, cekap dan mesra pengguna

Platform penyebaran  
Sumber Maklumat

#### ✓ Hasil Pembangunan Inovasi

Pada peringkat awal aplikasi ini dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan aplikasi yang sedia ada iaitu:



Ciri-ciri Google aplikasi dalam pembangunan aplikasi  
**W 2-GO SABAK BERNAM**



## Ciri-ciri Google Sites aplikasi dalam pembangunan aplikasi **W 2-GO SABAK BERNAM**

|                                          |                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mudah Digunakan                          | <i>Google Sites</i> mempunyai antaramuka yang mesra pengguna dan memudahkan untuk membina laman web atau aplikasi dengan cepat tanpa perlu menulis kod                                                                                             |
| Integrasi Dengan <i>Google Workspace</i> | <i>Google Sites</i> mudah diintegrasikan dengan produk lain dalam ekosistem <i>Google Drive</i> , <i>Google Form</i> , <i>Google Calendar</i> dan <i>Google Map</i> yang memudahkan pengguna untuk memasukan pelbagai elemen ke dalam laman mereka |
| Percuma                                  | <i>Google Sites</i> ditawarkan secara percuma dengan akaun <i>Google</i> , menjadikannya pilihan yang baik untuk membina laman web tanpa kos tambahan.                                                                                             |
| Responsif dan Mudah Alih                 | Laman yang dibina dengan <i>Google Sites</i> secara automatik akan disesuaikan untuk paparan mudah alih, memastikan laman kelihatan baik pada pelbagai peranti.                                                                                    |
| Kolaborasi Masa Nyata                    | <i>Google Sites</i> membolehkan kerjasama dalam masa nyata, di mana beberapa pengguna boleh bekerja pada laman yang sama secara serentak.                                                                                                          |
| Penyelenggaraan Mudah                    | Tidak memerlukan kemahiran teknikal untuk menyelenggara laman web yang dibina dengan <i>Google Sites</i> , kerana <i>Google</i> menguruskan keseluruhan <i>hosting</i> , keselamatan dan kemas kini.                                               |

### ✓ Implikasi Kewangan

Pembangunan aplikasi **W 2-GO SABAK BERNAM** telah ditambah baik daripada *google site* kepada mobile aplikasi android dan iOS.

| Kos Pembangunan aplikasi Secara Dalaman ( <i>Google Site</i> ) | Kos Penambahbaikan mobile aplikasi android dan iOS. | Kos Pembangunan Aplikasi Secara Penyumberan Luar ( <i>Out Source</i> ) |
|----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| 1. ELEKTRIK<br>2. JALUR LEBAR                                  | RM26,000.00                                         | 1. RM165,000.00<br>2. RM120,000.00                                     |

✓ **Kaedah Pelaksanaan Inovasi**

Pembangunan aplikasi dilaksanakan secara dalaman (*In House*) yang melibatkan kakitangan sedia ada, elektrik dan jalur lebar. Proses pelaksanaan inovasi melalui beberapa peringkat seperti berikut:

**Peringkat 1: Idea Awal**

Mengenal pasti masalah sedia ada iaitu tiada aplikasi mengenai informasi yang khas berkaitan pelancongan Sabak Bernam.

**Peringkat 2: Perbincangan Bagi Perancangan Awal Pembangunan**

Perbincangan secara berkala dilaksanakan dengan meletakkan cadangan tarikh pelaksanaan, reka bentuk aplikasi, paparan antara muka, perisian, pengaturcaraan, jenis data yang diperlukan, pengkalan yang sesuai digunakan serta impak aktiviti pembangunan inovasi ini.

**Peringkat 3: Reka Bentuk Aplikasi**

**W 2-GO SABAK BERNAM** dibangunkan adalah secara manual, iaitu melalui dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Google Sites* serta penstoran data dalam *Google Drive*.

**Peringkat 4: Pembangunan Aplikasi**

Pembangunan aplikasi ini menggabungkan reka bentuk antara muka, pengaturcaraan bagi arahan-arahan yang terlibat dan pengkalan data yang akan digunakan bagi menyimpan data dan maklumat yang telah diproses

**Peringkat 5: Pengujian/Uji Cuba Aplikasi**

Proses ujian dilaksanakan dengan menguji aplikasi secara dalam talian kepada penduduk/pengguna aplikasi. Semua maklum balas digunakan sebagai input untuk penambahbaikan aplikasi.

**Peringkat 6: Penulisan Manual Dan Dokumentasi**

Semua arahan penggunaan pautan **W 2-GO SABAK BERNAM** ini telah dimasukkan dalam manual pengguna bagi memastikan pengguna dapat menggunakan aplikasi ini dengan betul.

**Peringkat 7: Pelaksanaan Aplikasi Inovasi**

Aplikasi ini telah dipersetujui untuk dipakai bagi kepentingan pengguna/pelancong dalam dan luar negara pada bulan Mac 2024.

**Peringkat 8: Penilaian Keberkesanan**

Pengurusan dan pemantauan aplikasi ini dari segi kawalan terhadap pengguna dan data serta maklumat yang digunakan dalam pautan ini.



## BAB 3 – KEBERHASILAN PROJEK - OUTCOME DAN IMPAK

### ✓ Pengukuhan Projek

Borang kaji selidik aplikasi pelancongan diedarkan melalui *google form* terhadap keperluan dan ketersediaan aplikasi pelancongan.

**BORANG KAJI SELIDIK APLIKASI PELANCONGAN**

SOALAN KAJI SELIDIK UNTUK MENCIPTA APLIKASI PELANCONGAN SABAK BERNAM (KUMPULAN WARRIORS DATA)

MAC 2024

warriorsdata.mdsb@gmail.com [Switch account](#)

Not shared

JANTINA

☐ LELAKI  
☐ PEREMPUAN

UMUR

☐ 19 TAHUN HINGGA 25 TAHUN  
☐ 26 TAHUN HINGGA 40 TAHUN  
☐ 41 TAHUN HINGGA 60 TAHUN  
☐ Other

**PENGENALAN**

APLIKASI PELANCONGAN BOLEH MUDAHKAN PARA PELANCONG YANG DATANG KE DAERAH SABAK BERNAM UNTUK MENCARI TEMPAT-TEMPAT YANG MENARIK UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI BERISRAH BERSAMA YANG TERSEKUTU, DAN SECARA TIDAK LANGSUNG, ORANG TEMPATAN DI DAERAH SABAK BERNAM JUGA DAPAT MEMPROMOSIKAN TEMPAT-TEMPAT MENARIK DAN AKTIVITI PELANCONGAN YANG MERKA JALANKAN.


ANDA BERSETUJU JIKA ADA SATU APLIKASI PELANCONG DI SABAK BERNAM DIWUJUDKAN BAGI MEMPERKENALKAN AKTIVITI PELANCONGAN YANG DIJALANKAN?

☒ SANGAT SETUJU  
☐ TIDAK SETUJU  
☐ TIDAK PASTI  
☐ Other


Clear selection

ADAKAH APLIKASI INI AKAN DAPAT MEMUDAHKAN PENGGUNA ATAU PELANCONG MENCARI MAKLUMAT TENTANG PELANCONGAN, MENJIMATKAN MASA DAN MESRA PENGGUNA?

☒ SANGAT SETUJU  
☐ SETUJU  
☐ TIDAK SETUJU  
☐ SANGAT TIDAK SETUJU



### Analisa Data



## i. OUTCOME PROJEK

### ✓ Hasil Pelaksanaan Pembangunan W 2-GO SABAK BERNAM

| Input                                                                                                                                                                                                                                                             | Output                                                                                                                                                                                                               | Outcome                                                                                                                                                                                                                                                                       | Impak                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan aplikasi W 2-GO SABAK BERNAM</li> <li>Latihan komuniti dan operator pelancongan</li> <li>Sokongan agensi kerajaan dan anak syarikat negeri</li> <li>Sumber promosi (bunting, media sosial, pameran)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Aplikasi tersedia untuk dimuat turun dan digunakan</li> <li>Data lokasi, acara dan komuniti dikemaskini</li> <li>Program kesedaran pelancongan komuniti dijalankan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan jumlah pelawat menggunakan aplikasi</li> <li>Pengukuhan ekonomi tempatan melalui pelancongan</li> <li>Penggunaan teknologi digital oleh komuniti</li> <li>Promosi bersepadu dan berterusan tentang Sabak Bernam</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sabak Bernam menjadi destinasi pelancongan berdaya maju dan dikenali di peringkat nasional</li> <li>Pertumbuhan ekonomi luar bandar secara inklusif</li> <li>Model inovasi pelancongan luar bandar berjaya diwujudkan dan boleh diguna pakai di daerah lain.</li> </ul> |

### ✓ Value For Money

| Perkara                                                 | Penerangan                                                                                                                                                                                                    |
|---------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kos Pembangunan Yang Berpatutan</b>                  | Pembangunan aplikasi dilakukan secara efisien dengan penggunaan sumber teknologi sedia ada dan keparan tempatan, menjadikan kos keseluruhan berada dalam lingkungan yang munasabah                            |
| <b>Liputan Pengguna yang Luas</b>                       | Aplikasi ini dapat diakses oleh pelbagai kategori pengguna (pelancong, komuniti, usahawan) dengan satu platform yang serba guna, mengoptimalkan capaian dengan pelaburan minimum                              |
| <b>Peningkatan Ekonomi Tempatan</b>                     | Dengan mempromosikan produk dan perkhidmatan komuniti, aplikasi ini menjana aktiviti ekonomi secara langsung tanpa memerlukan kos promosi berasingan yang tinggi                                              |
| <b>Penjimatan Jangka Panjang</b>                        | Perbandingan kaedah promosi konvensional seperti cetakan pameran fizikal, aplikasi ini menawarkan penyelesaian promosi digital yang menjimatkan dan boleh dikemas kini pada bila-bila masa dengan kos minimum |
| <b>Sokongan Kepada Agenda Digital Negeri dan Negara</b> | Aplikasi ini menyokong agenda transformasi digital, sekaligus memperkukuhkan justifikasi perbelanjaan sebagai pelaburan strategik jangka panjang                                                              |

Pembangunan aplikasi W 2 GO SABAK BERNAM membuktikan pulangan nilai yang tinggi terhadap kos pelaburan melalui pendekatan digital yang menjimatkan, mampan dan berimpak tinggi

#### KEMAMPANAN

- ✓ Menarik pelabur dalam dan luar negara
- ✓ Tumpuan pelancong
- ✓ Kerjasama strategik bersama agensi kerajaan
- ✓ Ekosistem keterjaminan makanan
- ✓ Peluang pekerjaan

#### PENDIGITALAN

- ✓ **W 2-GO SABAK BERNAM** mensasarkan aplikasi pendigitalan
- ✓ Pengguna perlu menerima pakai pendigitalan dan inovasi masa kini untuk berdaya saing
- ✓ Mudah akses

#### KELESTARIAN

- Pembangunan aplikasi – menarik pelancong dengan mengeksplotasi sumber semula jadi seperti pertanian, perikanan, pantai, perhutanan dan perumahan.
- Meningkatkan potensi ekonomi penduduk setempat dan Majlis Daerah Sabak Bernam pada masa kini dan masa depan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi. Pengeluaran produk-produk makanan berasaskan pertanian, homestay dan inap desa yang terletak di kawasan rendah karbon serta penghasilan makanan eksotik hasil dari pengekalan hutan simpan.
- Menarik pelabur membuat penyelidikan teknologi pertanian yang lebih maju dan moden agar sektor ekonomi yang dijana melalui pertanian dapat ditingkatkan. Gaya hidup penduduk tempatan diubah dengan menyesuaikannya melalui kelestarian sumber alam semula jadi.

#### SDG 17

- Aplikasi yang diwujudkan merancakkan ekonomi setempat melalui pengkomersilan hasil pertanian daerah. Perniagaan makanan berasaskan pertanian sama ada bahan mentah atau diproses meningkatkan ekonomi penduduk. Secara tidak langsung menyahut dasar kerajaan untuk membasmi kemiskinan.
- Bahan pertanian yang diproses menggunakan rekaan teknologi terkini telah mempercepatkan proses pembuatan seterusnya meningkatkan jualan. Proses pembuatan yang memerlukan tenaga manusia dapat mengurangkan pengangguran. Peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di daerah Sabak Bernam dapat pengurangan penghijrahan dan pertumbuhan penduduk akan meningkat.
- Pewartaan kawasan pertanian dan hutan simpan dijadikan daya tarikan kepada pelancong sebagai usaha mengurangkan kemerosotan alam sekitar

✓ **Elemen Inovatif/Kreatif**

Aplikasi ini merupakan suatu inisiatif oleh kumpulan **WARRIORS DATA** untuk menyediakan satu platform mudah alih dan mesra pengguna dengan menyediakan maklumat pelancongan kepada pelancong.


✓ **Elemen keberkesanan**

- Aplikasi ini adalah mesra pelanggan kerana tidak terbatas kepada masa dan tempat tertentu sahaja;
- Pengguna boleh mendapatkan sumber dan maklumat pelancongan pada bila-bila masa dan di mana jua; dan
- Penjimatan kos, masa dan tenaga pelayar aplikasi.

✓ **Implikasi Kajian**

Seramai 166 orang **sangat bersetuju** dan **bersetuju** seramai 65 responden bahawa aplikasi ini memudahkan pengguna dan pelancong mencari maklumat tentang pelancongan, menjimatkan masa dan mesra pengguna. Hanya dua responden memberikan maklum balas **logik** dan lima responden **tidak bersetuju**.

✓ **Elemen Komersial**



Jadual 2: Impak kepada kumpulan sasaran pelancong dalam dan luar negara

## Kelebihan W 2-GO SABAK BERNAM

### INFORMASI TERPERINCI

Menyediakan maklumat lengkap dan terperinci tentang tempat-tempat menarik dan viral, aktiviti yang dijalankan, budaya setempat dan memudahkan pelancong merancang perjalanan serta aktiviti dan carnival yang berlangsung di daerah Sabak Bernam

### PANDUAN

Pengguna dapat mengakses informasi dengan mudah menggunakan telefon pintar, tanpa perlu mencari maklumat secara manual atau buku panduan

### ULASAN DAN PENILAIAN

Aplikasi ini membenarkan pengguna untuk melihat ulasan dan penilaian daripada pelancong lain, membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik tentang tempat yang ingin dilawat.

### PETA DAN NAVIGASI

Aplikasi dilengkapi dengan peta interaktif yang membantu pelancong menemukan lokasi dengan lebih cepat.

### PENGINAPAN DAN MAKANAN

